

12 DEC 2002

Abdullah-Sekolah

KERAJAAN AKAN PASTIKAN SEKOLAH KEBANGSAAN JADI PILIHAN RAKYAT

ALOR STAR, 12 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan memastikan sistem pendidikan di sekolah kebangsaan terus menjadi pilihan utama rakyat negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata untuk itu kerajaan akan berusaha untuk menyediakan kemudahan terbaik daripada segi pembelajaran, kurikulum dan aspek lain kepada pelajar.

Sambil menafikan kerajaan akan meminda sistem pendidikan di sekolah kebangsaan, beliau berkata sekolah kebangsaan ditubuhkan untuk keperluan semua kaum di negara ini dan mereka mesti memberi sokongan kepada sekolah kebangsaan.

"Rakyat perlu menerima dan mengakui kewibawaan sekolah kebangsaan," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis rumah terbuka Aidilfitri kerajaan negeri di Wisma Darul Aman di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mesyuarat yang dilaporkan diadakan semalam di Putrajaya bagi membincangkan sistem pendidikan kebangsaan.

Mesyuarat terbabit dilaporkan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dihadiri Abdullah, beberapa orang menteri kabinet dan pegawai tertinggi kerajaan.

Abdullah berkata mesyuarat seperti itu akan diadakan dari semasa ke semasa dan kerajaan mahu melihat pelajar bersedia mengikuti persekolahan di sekolah kebangsaan kerana kurikulum yang disusun adalah untuk kebaikan mereka.

Beliau berkata sekolah kebangsaan telah melahirkan tenaga kerja yang berkemampuan dan berkualiti untuk pembangunan rakyat dan negara.

Sementara itu Abdullah juga berkata semua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) mempunyai tanggungjawab untuk tidak merosakkan muafakat yang dicapai oleh BN.

"Kita kena ambil tindakan yang menyokong muafakat BN dan jangan rosakkan," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang BN tidak boleh mengenakan tindakan disiplin secara langsung terhadap individu dari parti komponennya.

Kenyataan Dr Ling itu berkaitan kes dua anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang daripada BN (MCA) yang berkecuali ketika pengundian usul yang dibawa DAP pada persidangan dewanm itu 21 Nov lepas.

Abdullah berkata kedua-dua wakil rakyat itu bertanding dengan adanya keputusan dan persetujuan daripada Pengerusi BN dan itu menunjukkan mereka adalah anggota BN apabila menjadi ADUN dan anggota Parlimen.

Menyentuh perkara lain, beliau berkata pihak berkuasa tempatan mesti mengambil tindakan membersih sungai dan longkang sebagai persiapan awal menghadapi banjir.

Katanya, kemudahan awam juga harus sentiasa disenggara secara sempurna kerana kelalaian dan penyenggaraan yang tidak rapi menjadi punca berlakunya banjir.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata Mara diminta mengkaji implikasi keputusan menarik balik pinjaman pendidikan 15 pelajar Malaysia di Jordan berkuat kuasa serta-merta ekoran kes pukul seorang pelajar Malaysia di negara itu pertengahan bulan lepas.

"Saya tiada halangan dengan keputusan itu. Ia hanya melibatkan aspek pentadbiran Mara dan tidak ada hubung-kait dengan hubungan dua hala antara

Malaysia dan Jordan," katanya.

Keputusan Mara itu dilaporkan akhbar hari ini yang juga menyebut bahawa Mara tidak akan melayan permohonan pinjaman baru daripada pelajar tersebut sekiranya mereka gagal menamatkan pengajian dan ingin menyambung lagi pengajian mereka.

-- BERNAMA

MAN MNH FMF FIZ IAW NMO